



**GARIS PANDUAN  
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

**BIL. 3 TAHUN 2018**

---

**GARIS PANDUAN BAGI PEMANDU PERKHIDMATAN KENDERAAN PERKHIDMATAN  
AWAM KELAS TEKSI, KERETA SEWA, TEKSI MEWAH DAN KENDERAAN E-HAILING**

**TARIKH: 31 OKTOBER 2018**

## **GARIS PANDUAN BAGI PEMANDU PERKHIDMATAN KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM KELAS TEKSI, KERETA SEWA, TEKSI MEWAH DAN KENDERAAN *E-HAILING***

### **1.0 TUJUAN**

Garis Panduan ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada pemohon kad pemandu (“Kad Pemandu”) dan kad pemandu elektronik (“e-Kad Pemandu”) mengenai garis panduan bagi pemandu perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam (“PKPA”) kelas teksi, kereta sewa, teksi mewah dan kenderaan *e-hailing* (“Pemandu PKPA Kelas Yang Berkenaan”).

### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (“S.P.A.D.”) bertanggungjawab untuk menggubal polisi, merancang dan mengawal selia pengangkutan awam darat dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti yang termaktub di dalam Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 714) dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715) yang telah berkuat kuasa pada 31 Januari 2011.
  
- 2.2 Bagi memenuhi matlamat Program Transformasi Industri Teksi (Program TITP) yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 10 Ogos 2016, S.P.A.D. ingin memperkenalkan garis panduan bagi Pemandu PKPA Kelas Yang Berkenaan.

### **3.0 PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

- 3.1 Perkara-perkara yang hendak dimaklumkan adalah merangkumi perkara-perkara berikut:
- A. Kriteria-kriteria kelayakan dan syarat-syarat permohonan;
  - B. Kad Pemandu atau e-Kad Pemandu;
  - C. Saringan pemandu;
  - D. Program latihan pemandu;
  - E. Penilaian Prestasi Tahunan Pemandu; dan
  - F. Kod Etika Pemandu.

### **4.0 GARIS PANDUAN BAGI PEMANDU PKPA KELAS YANG BERKENAAN**

#### **4.1 Pemandu**

Bagi maksud Garis Panduan ini, pemandu adalah seseorang yang memandu atau memberi perkhidmatan menggunakan suatu kenderaan perkhidmatan awam kelas teksi, kereta sewa, teksi mewah dan kenderaan *e-hailing* (“KPA Kelas Yang Berkenaan”) yang telah diluluskan oleh S.P.A.D. untuk disewa oleh penumpang dalam bilangan yang ditetapkan oleh S.P.A.D. bagi perjalanan yang dinyatakan oleh penumpang dengan bayaran tambang yang diluluskan oleh S.P.A.D. atau yang ditetapkan oleh pemegang lesen perniagaan pengantaraan (“LPP”).

#### **4.2 Pemandu PKPA Kelas Yang Berkenaan adalah merangkumi pemandu yang memandu bagi pihak:**

- i. Pengendali PKPA yang menggunakan PKPA kelas teksi, kereta sewa dan teksi mewah yang berlesen dengan S.P.A.D.; dan
- ii. Pemegang LPP yang berlesen dengan S.P.A.D.

#### **4.3 Status Pendaftaran Pemandu**

Terdapat dua (2) status pendaftaran bagi Pemandu PKPA Kelas Yang Berkenaan:

- i. pemandu utama akan didaftarkan sebagai (“Pemandu”); dan
- ii. pemandu tambahan akan didaftarkan sebagai (“Pemandu Kedua”).

#### **4.4 Pendaftaran Pemandu bagi Kenderaan**

Suatu KPA Kelas Yang Berkenaan hanya boleh didaftarkan dengan seorang Pemandu dan seorang Pemandu Kedua sahaja pada bila-bila masa.

#### **4.5 Semua pemandu PKPA kelas yang berikut HENDAKLAH memiliki Kad Pemandu:**

- i. teksi;
- ii. kereta sewa; dan
- iii. teksi mewah.

#### **4.6 Semua pemandu PKPA kelas yang berikut HENDAKLAH memiliki e-Kad Pemandu:**

- i. kenderaan *e-hailing*; dan
- ii. teksi, kereta sewa dan teksi mewah yang menggunakan aplikasi *e-hailing*.

## **A. Kriteria-Kriteria Kelayakan dan Syarat-Syarat Permohonan**

- i. Kriteria-kriteria kelayakan adalah seperti berikut:
  - a. warganegara Malaysia dan penduduk tetap Malaysia sahaja;
  - b. berumur tidak kurang 21 tahun;
  - c. memiliki lesen memandu kompeten (*competent driving licence (CDL)*), kelas D, yang dikeluarkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (“APJ”);
  - d. memiliki lesen kenderaan perkhidmatan awam (*public service vehicle license (PSV)*) yang dikeluarkan di bawah APJ; dan
  - e. tiada sabitan kesalahan jenayah berdaftar di bawah Akta 7 (Akta Pendaftaran Penjenayah Dan Orang Yang Tidak Diingini 1969)<sup>1</sup>.
- ii. Manakala syarat-syarat kelulusan adalah seperti berikut:
  - a. tidak disenarai hitam oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ), dan tidak mempunyai kompaun tertunggak dengan S.P.A.D.;
  - b. lulus pemeriksaan kesihatan di klinik atau hospital yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM); dan
  - c. hadir ke program latihan dan lulus ujian penilaian program yang ditetapkan oleh S.P.A.D.

<sup>1</sup>Sila rujuk Jadual-Jadual di dalam Akta 7 (Akta Pendaftaran Penjenayah Dan Orang Yang Tidak Diingini 1969).

## **B. Kad Pemandu dan e-Kad Pemandu**

### **i. Kad Pemandu dan e-Kad Pemandu**

Kad Pemandu dan e-Kad Pemandu adalah untuk mengenal pasti seseorang yang telah layak memandu KPA Kelas Yang Berkenaan, suatu kad pemandu adalah dikeluarkan kepadanya.

### **ii. Keperluan dan tanggungjawab pemandu**

- a. Pemandu PKPA kelas teksi, kereta sewa dan teksi mewah HENDAKLAH sentiasa mempamerkan Kad Pemandu yang masih berkuat kuasa seperti yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa; dan
- b. Pemandu PKPA kelas kenderaan *e-hailing* HENDAKLAH mempunyai e-Kad Pemandu yang masih berkuat kuasa semasa membawa penumpang dan boleh dirujuk melalui aplikasi pemegang LPP. Maklumat e-Kad Pemandu juga boleh dirujuk melalui aplikasi yang disediakan oleh S.P.A.D.

### **iii. Maklumat Pemandu**

Kad Pemandu atau e-Kad Pemandu mempunyai maklumat-maklumat seperti nama pemandu, nombor plat kenderaan, gambar pemandu terkini, alamat syarikat dan sebagainya yang berfungsi untuk memberi maklumat kepada penumpang.

### **iv. Tempoh kuat kuasa**

Tempoh kuat kuasa bagi Kad Pemandu dan e-Kad Pemandu adalah untuk satu (1) tahun sahaja.

v. **Permohonan Kad Pemandu dan e-Kad Pemandu**

Keterangan lanjut berkenaan Permohonan Kad Pemandu dan e-Kad Pemandu boleh dirujuk di Garis Panduan Permohonan Baharu/Membaharui Kad Pemandu dan Kad Pemandu Elektronik bagi Pemandu Perkhidmatan Kenderaan Perkhidmatan Awam Kelas Teksi, Kereta Sewa, Teksi Mewah dan Kenderaan *E-hailing* Bil. 4 Tahun 2018.

**C. Saringan Pemandu**

- i. Pemandu PKPA Kelas Yang Berkenaan HENDAKLAH disaring berdasarkan kriteria-kriteria kelayakan dan syarat-syarat kelulusan seperti yang telah ditetapkan oleh S.P.A.D.; dan
- ii. Pemandu PKPA Kelas Yang Berkenaan HENDAKLAH melengkapkan Borang Perakuan Diri seperti yang telah ditetapkan oleh S.P.A.D.

**D. Program Latihan Pemandu**

- i. Pemandu PKPA Kelas Yang Berkenaan HENDAKLAH menghadiri semua program latihan seperti yang telah ditetapkan oleh S.P.A.D.; dan
- ii. Program latihan pemandu adalah antara faktor-faktor yang diambil kira bagi kelayakan untuk menjadi Pemandu PKPA Kelas Yang Berkenaan.

**E. Penilaian Prestasi Tahunan Pemandu**

Kaedah merit dan demerit digunakan oleh S.P.A.D. untuk menilai prestasi tahunan Pemandu PKPA Kelas Yang Berkenaan bagi memastikan mereka memberi perkhidmatan yang berkualiti dan profesional.

**F. Kod Etika Pemandu**

- i. Pemandu PKPA Kelas Yang Berkenaan HENDAKLAH mematuhi Kod Etika Pemandu supaya dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penumpang, meningkatkan tahap pengalaman penumpang yang cemerlang serta memberi keutamaan kepada keselamatan penumpang dan pengguna jalan raya yang lain; dan
- ii. Keterangan lanjut berkenaan Kod Etika Pemandu boleh dirujuk di Buku **Panduan Pelatih Program Latihan Pemandu**.

**5.0 PEMAKAIAN**

- 5.1 Garis Panduan ini terpakai untuk semua Pemandu PKPA Kelas Yang Berkenaan.

**6.0 TARIKH KUAT KUASA**

- 6.1 Arahan-arahan dan perkara-perkara yang dinyatakan di dalam Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai tarikh Garis Panduan ini.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

*me bl*

(MOHD AZHARUDDIN BIN MAT SAH)

Ketua Pegawai Eksekutif

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat